

18/11/2000

Islamic Mint mohon keluarkan dinar di Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Islamic Mint, pengeluar mata wang dinar berasaskan emas tulen yang berpangkalan di Sepanyol, akan mengemukakan permohonan kepada Bank Negara untuk membolehkannya mengeluarkan mata wang itu di negara ini.

Presiden Eksekutif dan Pengasas Islamic Mint, Umar Ibrahim Vadillo berkata, langkah itu sebahagian daripada usaha syarikat berkenaan memperkenalkan penggunaan mata wang dinar dalam urusan niaga tempatan mahupun antarabangsa.

Selain itu, katanya, ia juga akan menyediakan alternatif kepada dolar Amerika yang lazim digunakan untuk perdagangan antarabangsa, khususnya di kalangan negara Islam.

"Mata wang dinar ini juga sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu diwujudkan alternatif kepada dolar Amerika serta menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan kertas kerja 'Memperkenalkan e-dinar' di Persidangan Antarabangsa Ekonomi Politik Islam Keempat di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, hari ini.

Dalam sidang akhbar selepas menghadiri sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di Doha, Qatar, Selasa lalu, Dr Mahathir menyarankan negara Islam mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan bagi menyekat kenaikan nilai mata wang itu.

Malah, katanya, Malaysia bersedia menerima yen, euro dan apa juga mata wang yang terjamin.

"Jika semua negara mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan, sudah tentu mata wang itu akan berlambak di pasaran dan ini akan menurunkan nilainya.

"Tetapi kalau kita terus mengurus niaga menggunakan dolar, ia akan mempunyai permintaan dan nilainya naik," katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan dinar digunakan di kalangan negara Islam bagi menggantikan dolar Amerika.

Kira-kira 80 peratus urusan perdagangan antarabangsa kini dikendalikan dalam dolar Amerika, malah minyak diniagakan secara eksklusif menggunakan mata wang itu.

Islamic Mint ditubuhkan pada 1990 untuk memperkenalkan kembali penggunaan mata wang dinar yang 100 peratus berasaskan emas serta dirham yang berasaskan perak selaras dengan tuntutan syariah Islam.

Sejak memulakan operasinya pada 1992, Islamic Mint mengeluarkan pelbagai mata wang serta mempunyai cawangan di Jerman, Afrika Selatan dan Indonesia.

(END)